

PENGAJIAN ISLAM DI IPT MALAYSIA DALAM MENANGANI ISLAM LIBERAL

(Islamic Studies in Malaysia IPT in Addressing Liberal Islam)

¹ MAZLAN IBRAHIM

² LATIFAH ABDUL MAJID

¹ JAFFARY AWANG

² MUHD NAJIB ABDUL KADIR

² FADLAN MOHD OTHMAN

¹ Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

² Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Islam Liberal merupakan satu aliran pemikiran yang menghendaki kepada keterbukaan dalam berijtihad yang melampaui batas-batas agama yang telah sedia ada sepertimana di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan pendekatan pengajian Islam di Malaysia khususnya di peringkat IPTA dalam menangani ancaman Islam Liberal tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dan analisis dokumen yang dibahagikan kepada empat bahagian. Pertama, pengenalan mengenai kajian. Kedua, huraian mengenai Islam Liberal yang merangkumi sejarah perkembangannya serta ciri-ciri pemikiran gagasan Islam Liberal tersebut. Ketiga, perbincangan mengenai kronologi dan perkembangan Pengajian Islam di Malaysia. Keempat, pendekatan Pengajian Islam dan yang kelima, perbincangan mengenai Pengajian Islam dalam mendepani ancaman Islam Liberal. Dapatan awal artikel ini merumuskan bahawa Pengajian Islam di Malaysia melalui subjek-subjek yang ditawarkan dilihat berupaya menjadi satu sistem pendidikan yang kompetitif, memenuhi tuntutan semasa dalam menghadapi cabaran globalisasi seperti cabaran pemikiran Islam Liberal yang wujud pada hari ini.

Kata kunci: Pengajian Islam, IPTA, Islam Liberal, institusi

ABSTRACT

Liberal Islam is a stream of thought that requires openness in the interpretation of the Quran and Sunnah that transcends religious barriers of them. This article aims to discuss the approaches of the Islamic Studies in Malaysia especially at higher learning institutes in dealing with the threats of Liberal Islam. This study uses the approach that involves both, library research and document analysis which is divided into four parts. First, an introduction to the study. Second, a description of Liberal Islam that comprises the developmental history and traits of the thoughts. Third, a discussion of the chronology and development of Islamic studies of Malaysia. Fourth, the Islamic Studies approach and fifth, a discussion based on how the Islamic Studies face the threats of Liberal Islam. The early findings of this article summarizes that the Islamic studies of Malaysia, through the subjects offered, seem to have the potential to become a competitive education system, fulfilling present requirements in facing the challenges of globalization such as the challenges of the Liberal Islam thoughts that exist today.

Keywords: Islamic Studies, IPTA, Liberal Islam, institutions

PENDAHULUAN

Dewasa ini, terdapat banyak perkara yang menggugat keharmonian dan kesucian agama Islam dan penganutnya sendiri. Pelbagai pertubuhan atau aliran yang bernaung atas nama Islam muncul dengan membawa ideologi atau pemikiran yang berbeza-beza. Antara golongan yang menyimpang jauh daripada ajaran Islam yang sedang rancak menyebarkan misi dakwah songsang mereka kepada masyarakat Islam Malaysia adalah golongan yang dikenali sebagai 'Islam Liberal'.

Aliran ini menyeru ke arah pembukaan pintu ijtihad dan penyeruan ke arah kefahaman Islam yang terbuka dan progresif dengan tujuan untuk memajukan pemikiran umat Islam. Namun yang demikian, mereka mempunyai kecenderungan untuk melewati batas keagamaan apabila mereka menuntut tafsiran Islam yang pelbagai (pluralis), mempertikai syariat Allah dan hukum-hukum fiqah dengan hujah rasional serta menolak penguatkuasaan undang-undang moral agama. Gerakan Islam Liberal di Malaysia, sekalipun tanpa memakai lencana 'Islam Liberal', ianya lebih banyak bersifat meniru apa yang sebelum ini wujud di negara-negara Timur Tengah dan Indonesia contohnya pertubuhan *Sisters in Islam* (SIS) yang banyak menimbulkan isu-isu kontroversi mengenai hak-hak wanita mutakhir ini. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan bahawa konsep yang dibawa oleh Islam Liberal ini memberi kesan yang besar terhadap pemikiran dan akidah masyarakat Islam di negara ini kerana isu-isu yang

sering dibincangkan ini dilihat menimbulkan kekeliruan terhadap pemahaman masyarakat.

Menyedari tentang ancaman wacana pemikiran Islam Liberal di negara ini, pengkaji merasakan satu kajian susulan perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh pusat-pusat Pengajian Islam di Malaysia dalam mendepani ancaman ini. Kajian ini dirasakan penting dan perlu diketengahkan memandangkan pusat-pusat Pengajian Islam terutamanya di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi merupakan satu wadah yang berperanan untuk membekalkan para pelajar dengan pengetahuan yang cukup untuk berdepan dengan permasalahan-permasalahan yang boleh menggugat pegangan dan kepercayaan umat Islam. Di samping memenuhi kehendak semasa hingga memungkinkan pendekatan Pengajian Islam ini menjadi alternatif terhadap persoalan pembangunan ummah di Malaysia.

KRONOLOGI ISLAM LIBERAL

Pemikiran liberal muncul dalam dunia Islam pada abad ke-18 Masihi, akibat terpengaruh dengan gerakan liberalisasi agama yang telah berlaku di Barat pada abad ke-16 dan abad ke-17 Masihi, iaitu pada zaman Renaisans. Gerakan ini dipelopori oleh tokoh-tokoh seperti John Locke, Rousseau, Adam Smith dan J.S Mill yang memperjuangkan kebebasan individu sehingga menafikan nilai-nilai moral dan aspek-aspek transendental.

Selain itu, perkembangan fahaman liberal dalam Islam juga turut dikatakan mempunyai kesinambungan dengan gerakan modenisasi Islam yang digerakkan oleh beberapa orang cendekiawan Islam pada abad ke-20 seperti Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh yang bertujuan menjadikan umat Islam maju dalam bidang sains dan teknologi yang berasaskan filsafat barat (Shaharom TM Sulaiman 2002) . Ada juga yang berpendapat bahawa ia juga mempunyai kesinambungan dengan aliran sekularisme, orientalisme serta falsafah relativisme, rasionalisme dan nihilisme.

Sejak abad ke-18 lagi aliran pemikiran liberal ini terus mekar berkembang dan diperkembangkan oleh segelintir umat Islam di seluruh dunia termasuk Malaysia. Biarpun gagasan idea pemikiran liberal telah diterima oleh segelintir pemikir Islam namun, istilah “Islam Liberal” tidak pernah wujud. Menurut Uthman El-Muhammady (2008), Perkataan “Islam Liberal” itu dikatakan mula dikenali pada tahun 1988, dipromosikan oleh Leonard Binder menerusi penulisannya yang bertajuk *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies* diikuti oleh Charles Kurzman dalam penulisannya *Liberal Islam: A Source-book*, yang diterbitkan pada tahun 1998. Kedua-dua buku ini menjadi rujukan utama bagi para pendukung fahaman Islam Liberal di seluruh dunia.

Tokoh pemikir Islam yang sering dikaitkan dengan perkembangan Islam Liberal ialah Ahmad Khan, Fazlur Rahman, Ali Syaryati, Abdullah Ahmad Naim, Hasan Hanafi, Muhammad Abed al-Jabiri, Muhammad Arkoun, Abdul Karim Soroush, Fatima Mernisi, Aminah Wadud, Nawal Sa'adawi, Rifa'at Hassan, 'Ali, 'Abd al-Raziq (Ahmad Zaki 2005), Farid Esack (Nur Farhana 2010), Nurcholis Madjid, Harun Nasution, Ahmad Wahib, Lutfi As-Syaukanie, Ulil Abshar, Djohan Efendi (Muslim 2005) dan ramai lagi.

Selanjutnya, pengaruh Islam Liberal ini dikatakan turut dikembangkan di Malaysia. Antara tokoh-tokoh yang dikatakan cuba mengembangkan fahaman ini dalam negara Malaysia ialah Kasim Ahmad (Azizan 2006), Farish Noor, Syed Akbar Ali (Anis Shakila 2006), Zainah Anwar (Ramnaizuddin 2005), Reza Shah-Kazemi (Ariffin 2009), Astora Jabat dan Zainudin Idrus (Hafiz Firdaus 2007). Sementara dalam bentuk pertubuhan pula Musawah (Wan Salim 2009), Jemaah al-Quran Malaysia (Zamihan 2008), Sisters In Islam (SIS), Suruhanjaya Antara Agama atau Inter Faith Commission (IFC) (Ariffin 2009), Pertubuhan Pertolongan Wanita atau Women's Aid Organisation (WAO) All Women's Action Society (AWAM) (New Straight Time 8 Mac 2008) dan The Joint Action Group for Gender Equality (JAG) (Utusan 06/10/2009).

CIRI-CIRI PEMIKIRAN FAHAMAN ISLAM LIBERAL

Golongan Islam Liberal ini juga dikatakan mempunyai pelbagai fahaman dan pemikiran yang menjadi dasar kepada perjuangan mereka antaranya ialah pertama, gagasan Islam Liberal mendukung idea pluralisme agama. Menurut Jaffary Awang & Kamarudin Salleh (2007), pluralisme agama merujuk kepada kepelbagaian agama yang wujud di kalangan manusia adalah benar sebagai menuju Tuhan yang satu. Dengan erti kata lain, dapat disimpulkan bahawa pluralisme agama merupakan pegangan yang percaya bahawa Islam bukanlah satu-satunya agama yang benar. Konsep pluralisme agama ini dikatakan telah diperkenalkan di Barat oleh W.C Smith dengan nama "*universal theology of religion*" yang kemudiannya dikembangkan oleh John Hick serta Hans Kung sebelum diperkenalkan dalam dunia Islam.

Menurut Khalif Muammar (2006), pendukung fahaman Islam Liberal juga menolak autoriti agama dan menganut fahaman kebebasan untuk berjihad oleh mana-mana individu mengenai apa jua bentuk permasalahan agama. Metodologi yang digunakan adalah relativisme, iaitu kebenaran adalah bersifat relatif dan tidak boleh didakwa oleh mana-mana pihak. Penolakan terhadap autoriti agama bagi penganut fahaman Islam Liberal ini adalah penting agar kebebasan berpendapat atau ijtihad dapat dilaksanakan. Atas dasar kebebasan berpendapat dan berjihad inilah maka Islam Liberal banyak merujuk kepada karya-karya Orientalis. Antara Orientalis Barat yang bertanggungjawab mengorbit aliran

pemikiran Islam Liberal ialah Leonard Binder dan Charles Kurzman yang telah menyokong kuat idea-idea utama yang mendasari pemikiran mereka seperti ijtihad yang bebas tanpa sekatan, pluralisme beragama, penolakan Syariah dan sebagainya.

Bertitik tolak daripada pegangan bebas dalam berijtihad ini juga, golongan Islam Liberal mendesak agar al-Quran di tafsir semula tanpa terikat dengan tafsiran ulama-ulama terdahulu yang menurut mereka telah jauh ketinggalan dan tidak sesuai lagi untuk zaman sekarang yang serba canggih ini. Aliran Islam Liberal berpendapat bahawa dalam mentafsir al-Quran, tidak perlu terikat dengan disiplin-disiplin ilmu yang berkaitan seperti *Asbab Nuzul*, *Nasikh wa al-Mansukh*, tafsiran Rasulullah, para sahabat dan sebagainya. Adapun sunnah-sunnah Rasulullah, maka tanpa ragu aliran Islam Liberal berpendapat ia hanya relevan untuk masyarakat Arab zaman Baginda dan ketinggalan untuk dipraktikkan pada zaman kini (Hafiz Firdaus Abdullah 2007).

Ketiga, gagasan pemikiran Islam Liberal juga menolak pelaksanaan Syariah Islam dengan mengatakan bahawa pelaksanaan hukum Islam pada saat ini hanya akan memberi kesan negatif kerana pelaksanaannya dianggap sangat bertentangan dengan hak-hak asasi manusia dan tidak sesuai dengan perkembangan zaman. Atas dasar ini juga, aliran Islam Liberal tidak ragu-ragu untuk mengubah bentuk hukum yang sedia tertera di dalam al-Quran dan Sunnah seperti sistem pembahagian pusaka, kewajipan menutup aurat bagi kaum wanita, keharusan poligami, hukum hudud dan hukuman bunuh ke atas Muslim yang murtad, kepimpinan wanita dalam solat, hak mutlak suami untuk menceraikan isteri, larangan perkahwinan antara orang Islam dan bukan Islam serta undang-undang moral agama yang dikatakan melanggar hak asasi dan kebebasan manusia (Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adan Fadhil 2009).

Keempat, menurut Muhamad Razak Idris (2006), fahaman Islam Liberal juga sering dikaitkan dengan idea dan gerakan modenisme. Gerakan modenisme ini merupakan idea untuk membebaskan sesebuah masyarakat daripada kongkongan adat resam dan tradisi yang sempit yang dianggap sebagai penghalang kepada budaya kemajuan dan kebebasan. Golongan Islam Liberal adalah golongan yang bertanggungjawab memainkan peranan dalam menyebarkan ajaran dan idea gerakan modenisme ini. Bagi mereka, untuk mengecap kemajuan hidup, masyarakat perlu membebaskan diri mereka dari kongkongan tradisi.

Kelima, aliran Islam Liberal ini mendukung gerakan emansipasi atau pembebasan wanita dan feminisme. Gerakan feminisme Barat yang bertujuan mewujudkan persamaan di antara lelaki dan perempuan (*gender equality*), juga mempengaruhi pemikiran Islam liberal. Aliran feminisme Islam Liberal biasanya menuntut persamaan hukum-hakam syariah antara lelaki dan wanita. Perbezaan hukum syarak antara wanita dan lelaki Islam dianggap tidak adil

oleh golongan ini. Golongan ini menganggap bahawa dalam Islam wanita dan lelaki itu adalah dicipta dari kejadian yang satu. Oleh yang demikian, setiap apa yang menjadi hak kaum lelaki, mestilah juga menjadi hak kepada wanita. Maka, sebarang perbezaan hak atau keistimewaan yang terdapat di antara lelaki dan wanita mestilah dihapuskan kerana bagi mereka ia bersifat diskriminasi dan menindas kaum wanita.

SOROTAN RINGKAS PERKEMBANGAN PENGAJIAN ISLAM

Senario terkini Pengajian Islam di Malaysia memperlihatkan perkembangan yang drastik dan positif dengan pertambahan beberapa buah intitusi pengajian Islam di bawah sektor kerajaan mahupun swasta. Walaupun Pengajian Islam lebih dikenali melalui penubuhan institusi-institusi yang sedia ada pada hari ini, realitinya Pengajian Islam di Malaysia sama ada secara formal dan tidak formal telah pun bertapak lama di negara ini sejak Islam tersebar dan diterima oleh penduduk Tanah Melayu. (Farid & Ibrahim 2008). Pada awal permulaan Islam, pendidikan Islam di Malaysia berlangsung di masjid, rumah dan juga istana. Kemudian, muncul tokoh-tokoh ilmuwan tempatan yang merubah corak pendidikan Islam kepada institusi yang lebih formal yang dikenali dengan pengajian pondok.

Pengajian pondok ini dikatakan masyhur di kalangan orang Melayu menjelang abad ke-19 Masihi dengan kemunculan beberapa orang ulama Melayu ketika itu seperti Tok Pulau Manis (Terengganu), Tok Shabudin (Pahang) dan Tok Wan Ali Kuntan (Kelantan) (Farid & Ibrahim 2008). Ulama-ulama ini berguru dengan beberapa orang guru Melayu yang bermastautin di Mekah antaranya Syeikh Hamzah Fansuri, Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Arshad al-Banjari dan lain-lain. Kemudian, pada abad ke-20 institusi pondok ini menjadi sangat popular dan berkembang maju sebagai institusi pendidikan orang Melayu terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur dan utara Tanah Melayu.

Namun yang demikian, pada awal abad ke-20, telah berlaku pembaharuan ke atas dunia Islam yang dicetuskan oleh Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Muhammad Rashid Rida di Mesir. Dipercayai bahawa pembaharuan tersebut mempengaruhi semangat orang Melayu ketika itu lalu menubuhkan institusi pengajian Islam berbentuk sekolah. Ekoran daripada penubuhan sekolah ini telah mendorong orang Melayu menentang sistem pendidikan British yang dilihat telah menggugat sistem pendidikan Islam dan dipercayai sebagai usaha dalam menyebarkan pengaruh Kristian kepada orang Melayu.

Kemudian, terdapat banyak sekali sekolah agama di Tanah Melayu termasuk Singapura menjelang pertengahan abad ke-20. Setelah itu, telah berlaku desakan supaya diwujudkan pusat pengajian tinggi Islam disebabkan orang Melayu ketika itu tidak berkemampuan untuk melanjutkan pengajian mereka ke Timur Tengah setelah tamat pengajian peringkat sekolah. Idea dan penggerak kepada penubuhan pusat pengajian tinggi Islam ialah Maulana Abdul Alim Siddique yang berasal dari benua India dan mengembara ke Asia Tenggara bertujuan untuk berdakwah.

Dengan usaha dan kempen Dato' Ibrahim Omar al-Saqoff, Pengerusi Lembaga Penasihat Islam Singapura, idea ini disambut baik oleh masyarakat Islam. Hal ini juga mendapat perhatian oleh beberapa orang ulama Melayu hingga rancangan untuk menubuhkan pusat pengajian tinggi Islam itu menjadi kenyataan. Kemudian, rancangan tersebut menjadi kenyataan apabila Kolej Islam Malaya dibuka secara rasmi pada 8 April 1955 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor al-Marhum Tuanku Hishamuddin di Kampung Jawa, Kelang. Setelah negara mencapai kemerdekaan, berlaku perkembangan yang menggalakkan ke atas Kolej Islam Malaya.

Setelah itu, pada tahun 1968 Kementerian Pelajaran Malaysia bersetuju untuk menaikkan taraf Kolej Islam Malaya ke taraf Kolej Universiti. Usaha membentuk Kolej Universiti Islam Malaysia ini tidak lama kerana pada tahun 1970 terbentuk Universiti Kebangsaan Malaysia ekoran daripada tuntutan untuk menubuhkan universiti tersendiri terpisah dengan universiti Islam. Walaupun pada awalnya Menteri Pelajaran ketika itu YB Khir Johari memandang penubuhan universiti sebagai sentimen dan semangat fanatik Melayu, namun beliau akhirnya akur dengan penubuhan universiti kebangsaan tersebut.

Kemudian, Fakulti Pengajian Islam yang pertama telah ditubuhkan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sehingga kini, dalam suasana negara yang maju, Malaysia tetap mengutamakan pengajian Islam di peringkat tinggi dengan tertubuhnya universiti-universiti yang menawarkan program dan ijazah pengajian Islam antaranya Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Darul Iman Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan lain-lain.

Kesimpulannya, institusi pondok, sekolah, Kolej Islam Malaya, Kolej dan Kolej Universiti serta universiti telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan Pengajian Islam di Malaysia. Ia telah melahirkan ramai pelajar dan graduan dalam bidang tersebut. Kecenderungan pihak berkuasa menyokong perkembangan Islam dan institusinya di Malaysia amat membantu kesinambungan ilmu Islam dan institusinya.

PENDEKATAN PENGAJIAN ISLAM

Pengajian Islam yang diajar di IPTA Malaysia adalah usaha berterusan untuk mencapai matlamat dalam mengintegrasikan prinsip pengajian Islam abadi dengan perkembangan dunia sains teknologi dan kehidupan moden. Oleh itu, penulisan ini bertujuan untuk membincangkan mengenai pendekatan-pendekatan Pengajian Islam dalam merealisasikan matlamat tersebut amnya dan khususnya dalam mendepani ancaman pemikiran aliran Islam Liberal.

Pengajian Tafsir al-Quran

Pengajian tafsir al-Quran dalam Pengajian Islam memperkenalkan beberapa subjek asas dalam pengajian Tafsir dan gabungan antara subjek tafsir klasik dan moden. Secara umumnya, pengajian tafsir yang ditawarkan adalah berdasarkan kepentingan sesebuah jabatan atau fakulti di institusi-institusi berkenaan. Contohnya pengajian tafsir di bahagian syariah lebih memfokuskan pengajian tafsir ayat-ayat hukum. Manakala pengajian tafsir di bahagian Usuluddin dan Pengajian al-Quran & Sunnah pula banyak membincangkan metodologi penulisan, aliran tafsir, isu dan masalah dalam pengajian tafsir seperti *israiliyyat*, tafsiran orientalis dan kajian tafsir masa kini.

Universiti Malaya umpamanya menawarkan subjek-subjek seperti *Manahij al-Mufassirin*, Kajian Teks Tafsir, Isu Kontemporari dalam Pengajian Tafsir (Mustaffa 2007) dan sebagainya yang bertujuan untuk mempertingkatkan kebolehan pelajar mendapatkan maklumat sebenar dalam pengajian tafsir dengan merujuk kepada sumbernya yang asal. Di Universiti Kebangsaan Malaysia pula, beberapa kursus yang berkaitan dengan pengajian tafsir al-Quran diperkenalkan seperti *Penyelewengan Dalam Tafsir*, *Tafsir Bandingan*, *Metodologi Ahli Tafsir* dan lain-lain (Universiti Kebangsaan Malaysia 2003). Menerusi kursus-kursus yang ditawarkan ini, para pelajar diharapkan dapat menguasai disiplin ilmu tafsir secara mantap, menguasai metode-metode yang digunakan oleh ulama tafsir serta dapat menguasai Bahasa Arab.

Di dalam kursus-kursus di atas, beberapa isu semasa turut dibahaskan seperti metodologi pentafsiran pendukung Islam Liberal terhadap al-Quran. Antara lain yang cuba ditonjolkan dalam subjek ini adalah sumber-sumber tafsiran Islam Liberal serta isu-isu yang cuba diketengahkan oleh aliran Islam Liberal menerusi beberapa ayat al-Quran antaranya isu-isu yang berkaitan dengan wanita seperti poligami, aurat, kepimpinan, harta pusaka dan lain-lain. Berdasarkan isu-isu tersebut, golongan Islam Liberal menolak tafsiran-tafsiran ulama terdahulu dan lebih memilih pendapat seperti Fatima Mernissi dan Rifaat Hassan yang merupakan tokoh yang memperjuangkan hak-hak wanita. Secara

keseluruhannya, dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran, aliran Islam Liberal telah terpesong dari kebenaran dengan mengetepikan kaedah dan syarat yang telah digariskan oleh ulama-ulama Tafsir terdahulu. Malah, golongan ini lebih cenderung menggunakan metode pentafsiran al-Quran yang berpaksikan terhadap akal semata-mata dengan mengikut kesesuaian pokok pemikiran mereka.

Bagi menjawab permasalahan ini, pelajar kemudiannya didedahkan dengan metodologi sebenar mentafsirkan ayat-ayat al-Quran sepertimana yang dianjurkan oleh agama Islam. Ini termasuklah perbincangan mengenai syarat-syarat untuk menjadi seorang pentafsir, ilmu-ilmu yang diperlukan oleh seorang *mufasssir* dan sebagainya.

Pendekatan ini sudah tentu dilihat sebagai satu langkah yang sangat baik dalam bidang Pengajian Islam dengan mengetengahkan isu-isu kontemporari berhubung dengan Pengajian al-Quran dan Tafsir. Ini menunjukkan Pengajian Islam terutamanya di peringkat pengajian tinggi peka terhadap isu-isu semasa yang berkaitan dengan Pengajian al-Quran dan Tafsir dimana tidak hanya terbatas dengan pengkajian mengenai metodologi-metodologi ulama silam. Ini juga secara tidak langsung memberikan satu pengetahuan yang baru kepada pelajar berhubung dengan bidang Tafsir.

Pengajian Hadis

Pengajian hadis merupakan pengajian teras kepada pengajian Islam selain daripada pengajian al-Quran. Walaupun perkembangan pengajian hadis tidaklah begitu pesat berbanding dengan pengajian-pengajian lain seperti tafsir, fiqh, akidah, tasawuf dan Bahasa Arab. Namun begitu, ianya turut berperanan sebagai satu ilmu dalam pengajian Islam yang membantu dalam mendepani cabaran semasa seperti pemikiran Islam Liberal yang mempertikaikan hadis Nabi s.a.w sebagai sumber rujukan kedua selepas al-Quran dengan dakwaan ianya hanya relevan pada zaman baginda dan ketinggalan untuk diamalkan pada zaman sekarang.

Walaupun boleh dikatakan kajian hadis di IPTA kurang menyentuh mengenai isu-isu semasa namun, subjek-subjek yang diketengahkan dalam pengajian hadis pada hari ini dilihat masih relevan dalam membantu mendepani ancaman-ancaman daripada musuh Islam. Sebagai contoh subjek *takhrij* hadis, kajian hadis masa kini, sikap orientalis terhadap al-Quran dan Sunnah yang ditawarkan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia dalam peringkat Sarjana Muda. Begitu juga dengan subjek Kajian *Musykil al-Hadith* dan *Nasakhnya*, Metodologi Kajian Tafsir dan Hadis Semasa dan Hadis dan Pembangunan Manusia (Universiti Kebangsaan Malaysia 2003) yang ditawarkan di peringkat Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.

Subjek-subjek yang diketengahkan membahaskan perkara-perkara yang merangkumi beberapa aspek seperti metodologi dan pandangan orientalis mengenai hadis dan penolakan terhadapnya, isu-isu semasa berhubung dengan hadis serta hadis pada pandangan penentangannya di kalangan orang Islam dan penolakan terhadapnya. Melalui subjek-subjek tersebut, para pelajar akan mampu menilai keabsahan sesuatu hadis, mampu mantakhrij hadis, mampu menilai pandangan pelbagai golongan ulama dan mampu mengaplikasikan isu-isu berkenaan al-Quran dan Sunnah dan kaitannya dengan isu-isu semasa. Di samping itu, para graduan juga akan berkebolehan menganalisis isu-isu mengenai Hadis serta memahami sesuatu hadis dengan sebenar-benar pemahaman sepertimana yang dianjurkan oleh ulama terdahulu.

Pengajian Akidah

Pengajian akidah adalah antara bidang pengajian yang penting untuk mempertahankan jati diri umat Islam terutamanya pada masa kini ketika mana dunia Islam menghadapi ancaman-ancaman dengan kedatangan pemikiran sekularisme, liberalisme, hedonisme dan terorisme. Di peringkat pengajian tinggi, pengajian akidah ini telah pun diperkenalkan di beberapa buah institusi seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Islam Antabangsa.

Antara subjek-subjek yang ditawarkan menerusi Pengajian Akidah ini adalah seperti *al-Tawhid* dan *al-Nubuwwah wa al-Risalah* (Mohd Fauzi 2007) yang telah ditawarkan di Universiti Malaya yang bertujuan untuk mendedahkan pelajar mengenai konsep sebenar akidah Islam berasaskan al-Quran dan Sunnah serta memperluaskan pelajar dengan akidah kenabian dan kerasulan. Kedua-dua kursus ini membincangkan penyelewengan akidah yang berlaku dalam masyarakat serta cara menangani isu-isu yang berkaitan dengan akidah. Kursus ini juga mendedahkan kepada para pelajar dengan hujah-hujah ilmiah yang membolehkan mereka menolak segala tohmahan dan dakwaan liar terutamanya daripada pihak musuh Islam seperti Islam Liberal.

Di samping itu, Universiti Malaya turut menawarkan subjek Akidah dan Pembangunan Manusia yang menonjolkan peranan akidah dalam pembangunan manusia. Melalui subjek ini, diharapkan dapat membantu dalam menangani cabaran luar seperti globalisasi, orientalisme, penularan fahaman liberalisme dengan kefahaman terhadap prinsip-prinsip ajaran tauhid. Walaupun kursus yang ditawarkan agak berbeza, namun begitu pengajian akidah di universiti-universiti lain seperti Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia yang menawarkan subjek Akidah Islam, manakala Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang menawarkan subjek seperti *Islamic Aqidah The Quran and Sunnah as Source of Knowledge* dan dilihat bertepatan dengan matlamat pengajaran akidah yang bertujuan untuk mengisbatkan akidah Islamiah

dalam hati pelajar dan menolak kekeliruan yang menyelubunginya (Mohd Fauzi 2007).

Pengajian akidah dalam Pengajian Islam di Malaysia dilihat mampu dalam membantu mendepani ancaman pemikiran Islam Liberal dengan kandungan-kandungan sukatan yang diketengahkan, metodologi yang digunakan serta perkaitannya dengan beberapa disiplin ilmu seperti fiqh dan tasawuf.

Pengajian Pemikiran Islam

Pengajian Islam di Malaysia turut menawarkan pengajian pemikiran Islam yang memainkan peranan yang amat penting dalam membina kefahaman Islam yang betul terutamanya di kalangan umat Islam itu sendiri. Pengajian ini juga berfungsi sebagai benteng umat Islam dalam mengharungi cabaran globalisasi pada masa kini. Di Malaysia, subjek-subjek pemikiran Islam ditawarkan di beberapa buah institusi pengajian tinggi seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia, subjek Pemikiran Islam Semasa telah ditawarkan sebagai subjek teras bagi program Sarjana Muda Pengajian Islam yang membincangkan isu-isu politik dan ekonomi semasa, sosiobudaya bangsa, globalisasi dan kaitannya dengan syariah dan akidah (Universiti Kebangsaan Malaysia 2003). Manakala Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pula menawarkan subjek Isu-isu dalam Pemikiran Islam Semasa sebagai subjek pengkhususan jabatan dan elektif dalam program Sarjana Muda Ilmu Wahyu. Seterusnya, di Universiti Malaya dua subjek khusus bertajuk pemikiran Islam iaitu Isu-isu Semasa Akidah dan Pemikiran Islam serta Karya Pemikiran dan Falsafah Islam ditawarkan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam (Mohamad Kamil & Wan Adli 2007).

Menurut Mohamad Kamil & Wan Adli (2007), skop pemikiran Islam meliputi ilmu kalam, falsafah dan tasawuf, manusia, alam kehidupan, kematian dan lain-lain. Dalam berhadapan dengan pemikiran Barat moden seperti reformis, humanisme, orientalis, sekularis, pluralis dan liberalis, kursus pemikiran Islam dilihat sebagai satu pengajian yang penting dalam mendedahkan kepada pelajar strategi serangan pemikiran dan sosial Barat terhadap Islam di samping memperkenalkan tokoh-tokoh pemikiran Islam dan Barat, metodologi serta isu-isu pemikiran Islam semasa yang merangkumi pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, tamadun dan lain-lain.

Melalui kursus ini juga, perbincangan mengenai isu-isu semasa yang berkaitan dengan aliran Islam Liberal seperti tokoh-tokoh Islam Liberal, pegangan pluralisme agama serta perbincangan mengenai hak asasi manusia yang mendasari pemikiran aliran Islam Liberal turut diketengahkan. Selain itu, kursus

ini juga memberi pendedahan kepada pelajar berhubung dengan penyelesaian terhadap isu-isu tersebut berdasarkan pandangan-pandangan hidup asasi yang dikemukakan melalui ilmu kalam, falsafah, tasawuf dan lain-lain.

PENGAJIAN ISLAM DALAM MENDEPANI ISLAM LIBERAL

Setelah membincangkan pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh Pengajian Islam di IPTA dalam mendepani pemikiran yang dibawa oleh gagasan Islam Liberal, maka dijelaskan cara-cara Pengajian Islam mengaplikasikan pendekatan-pendekatan tersebut agar usaha dalam mendepani wacana pemikiran Islam dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Tumpuan Terhadap Kajian

Melalui pengamatan pengkaji, pengajian Islam di IPTA mengambil langkah dengan menghasilkan lebih banyak penyelidikan yang memfokuskan atau membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam Liberal sama ada berbentuk kajian kepustakaan atau kajian lapangan bagi memantapkan lagi pengetahuan pelajar khususnya mengenai Islam Liberal. Kaedah ini tidak tertumpu kepada pelajar sahaja malah ia juga turut diaplikasikan oleh tenaga pengajar. Kemudian, hasil penyelidikan digunakan sebagai rujukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya input atau maklumat terkini mengenai Islam Liberal khususnya dapat dimanfaatkan bersama.

Antara penyelidikan-penyelidikan berhubung dengan Islam Liberal yang telah dihasilkan di Universiti Kebangsaan Malaysia adalah seperti “Respon masyarakat Islam Malaysia terhadap aliran Islam Liberal”, Penggunaan konsep tauhid dalam idea pluralisme agama aliran liberal Islam oleh Nur Farhana (2010). Manakala di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, penyelidikan seperti *Pemikiran Islam liberal: Pengalaman Indonesia, Manifestasi Islam liberal di Malaysia: Dimensi politik dan undang-undang* (Abdul Karim & Mohd Roslan 2009) memfokuskan kepada fahaman Islam Liberal. Di Universiti Malaya pula kajian yang menumpukan kepada gagasan Islam Libeal contohnya *Jaringan Islam Liberal (JIL): kajian terhadap sumber epistemologi* oleh Ahmad Yumni (2009), *Pemikiran Islam liberal di Malaysia: kajian terhadap isu yang ditimbulkan oleh Farish Noor dan Syed Akbar Ali* oleh Anis Shakila (2006) yang merupakan disertasi dan penulisan ilmiah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam (<http://www.pendeta.um.edu.my/>). Kemudian, penyelidikan pensyarah-pensyarah Universiti Malaya seperti *Kajian Islam dan liberalisme di Mesir: Pengalaman pertemuan dengan tokoh liberal dan pemikir Islam, Agenda sekularisasi di sebalik pemikiran anti-hadis dan Islam liberal – suatu kupasan epistemologikal, Modernisme dan liberalisme: Sorotan sejarah kelahirannya dan penilaian terhadap metodologinya* (Abdul Karim & Mohd Roslan 2009).

Latihan Terhadap Pelajar

Berdasarkan pengalaman pengkaji, demi memenuhi tuntutan semasa, Pengajian Islam di IPTA telah menerapkan dua kaedah pedagogi iaitu kaedah PBL (*Problem Based Learning*) dan kaedah kemahiran berfikir dan berkomunikasi (Bahasa Arab dan Inggeris) yang boleh menjanakan jaya kritikal dan kebolehan menyelesaikan masalah semasa kepada pelajar. Kaedah PBL ini bertepatan dengan tuntutan agenda pendidikan untuk dunia global semasa yang menghendaki pensyarah dan pelajar perlu berinteraksi dalam konteks yang lebih terbuka dan kritikal. Dengan kaedah PBL ini dapat membentuk cara berfikir yang bersifat kritis. Proses ini bakal membentuk mentaliti dan kaedah berfikir yang dinamik kedua-dua belah pihak iaitu pensyarah dan pelajar perlu berinteraksi dalam konteks yang lebih terbuka dan kritikal.

Sebagai contoh, pelajar-pelajar diberikan permasalahan atau isu-isu yang dikemukakan oleh fahaman Islam Liberal, kemudian pensyarah melatih para pelajar dengan dalil-dalil atau kaedah-kaedah tertentu bagi menjawab permasalahan atau persoalan tersebut. Latihan seperti ini dilakukan sama ada ketika proses pembelajaran sewaktu kuliah mahupun tutorial supaya dapat melahirkan graduan yang berkeupayaan menjadi pemikir yang mampu membetulkan fakta serta konsep ilmu yang bertentangan dengan epistemologi Islam, mengadunkan pandangan pemikir Islam yang muktabar dalam ilmu terkini, menyelaras disiplin ilmu dengan ilmu teras Islam dan akhirnya membentuk ilmu berasaskan kepada paradigma tauhid.

Memberi Galakan Untuk Menyertai Seminar, Ceramah Umum Dan Lain-lain

Melalui penelitian yang dijalankan, institusi-institusi Pengajian Islam di Malaysia berperanan dalam menganjurkan program-program yang dilihat berkesan dalam membincangkan isu-isu semasa antaranya gagasan Islam Liberal. Kemudian, institusi-institusi Pengajian Islam di Malaysia bertanggungjawab dalam memupuk dan memberi galakan dan minat kepada pelajar untuk terlibat secara langsung dalam program-program yang dianjurkan tersebut antaranya seminar, ceramah umum atau bengkel sama ada sebagai peserta, pembentang atau urus setia. Dengan ini, para pelajar akan berpeluang untuk menerokai perkara-perkara yang berhubung dengan gagasan Islam Liberal. Di samping itu, aktiviti-aktiviti tersebut dilakukan dalam bentuk *in house training* di mana pakar-pakar awam dan swasta yang berkenaan dijemput untuk memberikan maklumat tentang Islam Liberal. Sebagai contoh Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Isu-isu Islam Liberal yang mengupas isu-isu Islam Liberal dengan menjemput institusi-institusi Islam yang bertanggungjawab dalam membendung fahaman Islam

Liberal seperti JAKIM, JAIS, ABIM, JIM dan sebagainya untuk menjelaskan aktiviti-aktiviti atau pengalaman mereka dalam menangani wacana pemikiran Islam Liberal.

Secara tidak langsung, pelajar akan didedahkan dengan input-input terkini mengenai isu-isu serta cabaran semasa dalam dunia pengajian Islam khususnya ancaman Islam Liberal. Dalam masa yang sama, aktiviti seumpama ini akan dapat memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk bersama-sama berkongsi idea dan dapat meningkatkan tahap kredibiliti dan keyakinan seseorang pelajar. Melalui cara ini, para pelajar akan lebih bersiap sedia dengan segala kemungkinan dan usaha-usaha yang menggugat keharmonian agama Islam itu sendiri. Antara seminar lain yang berkaitan yang pernah dianjurkan adalah seperti Dialog Antara Agama anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, Seminar Islam dan Hubungan Antara Agama-agama di Malaysia anjuran Universiti Malaya (Mohamad Kamil & Wan Adli 2007), Seminar Warisan Nabawi¹ anjuran Universiti Sains Islam Malaysia.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pengajian Islam di Malaysia berkembang selari dengan perkembangan pengajian-pengajian lain yang terdapat di institusi-institusi pengajian tinggi yang ada di negara ini. Ini dapat dirumuskan berdasarkan penelitian terhadap beberapa bidang pengajian yang ditawarkan oleh Pengajian Islam seperti pengajian tafsir, pengajian hadis, pengajian pemikiran Islam pengajian akidah yang menjadi fokus perbincangan kajian ini. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kursus-kursus yang telah ditawarkan di setiap pengajian-pengajian tersebut mengambil kira perubahan dan keperluan masyarakat di era globalisasi masa kini. Menerusi subjek-subjek tersebut juga, pelajar diharapkan akan dapat mengaitkan pengajarannya dengan pelbagai cabaran kehidupan yang sedang didepani oleh umat Islam contohnya ancaman fahaman Islam Liberal.

Melalui kajian ini, beberapa cadangan boleh dikemukakan demi memastikan Pengajian Islam di Malaysia sebagai platform dalam menangani ancaman Islam Liberal khususnya di peringkat institusi Pengajian Tinggi. Justeru itu, beberapa langkah yang perlu diambil adalah seperti:

- 1) Mempelbagaikan kaedah Pembelajaran dan Pengajaran seperti e-pembelajaran, komuniti dan industri.
- 2) Memperbanyakkan seminar atau bengkel peringkat serantau atau antarabangsa secara berkala bagi tujuan pendedahan yang lebih meluas mengenai ancaman fahaman Islam Liberal di peringkat IPTA.

¹ Seminar ini telah di adakan pada 11-12 Julai 2010 di di Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya, anjuran Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

- 3) Memperbanyakkan kegiatan penyelidikan secara bersama sama dengan IPTA lain, badan NGO atau institusi Islam yang terdapat di Malaysia demi memastikan usaha membendung pengaruh Islam Liberal dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- 4) Penyelarasan dari segi penawaran kursus, sukatan dan penggunaan bahan asas bacaan bagi mewujudkan kesatuan pemikiran di kalangan mahasiswa/i Islam di peringkat serantau.

RUJUKAN

- Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor. 2009. *Islam Liberal Isu dan Cabaran*. Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Ahmad Yumni. 2009. *Jaringan Islam Liberal (JIL) : Kajian Terhadap Sumber Epistemologi*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad Zaki Zakaria Anshary. 2005. *Konsep Negara Sekular Jaringan Islam Liberal Di Indonesia Analisis Dari Perspektif Dakwah Islamiah*. Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anis Shakila Ismail. 2006. *Pemikiran Islam Liberal Di Malaysia : Kajian Terhadap Isu Yang ditimbulkan oleh Farish Nor dan Syed Akbar Ali*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Azizan Othman. 2006. *Kajian Karya-karya Ilmiah Islam Liberal*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Baterah Alias & Che Zarrina Sa'ari. 2006. *Islam Dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hafiz Firdaus Abdullah. 2007. *Membongkar Aliran Islam Liberal*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Jaffary Awang & Kamarudin Salleh. 2007. *Pemikiran Islam dan isu-isu semasa*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khalif Muammar. 2006. *Atas Nama Kebenaran Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Luthfi Assyaukani (pnyt.). 2002. *Wajah Liberal Islam di Indonesia*. Jakarta: Jaringan Islam Liberal.

- Mohamad Kamil Ab Majid & Wan Adli Wan Ramli. 2007. Pengajian Pemikiran Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Realiti dan Cabaran. Dlm. Mohd Fauzi Hamat, Doni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin (pnyt.). 2007. *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, hlm. 57-72. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammad Ariffin Ismail. 2007. *Cabaran Akidah: Islam Liberal*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Mohammad Ariffin Ismail. 2009. *Cabaran Akidah Pemikiran Islam Liberal*. Kuala Lumpur : Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Mohammad Ariffin Ismail. Cabaran Islam Liberal Di Malaysia. Dlm. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (pnyt). 2009. *Seminar Pemurnian Akidah 2009*, hlm. 3. Kuala Lumpur : Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Mohd Fauzi Hamat. 2007. Pengajian Akidah di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Satu Tinjauan Awal. Dlm. Mohd Fauzi Hamat, Doni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin (pnyt.). *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, hlm 1-32. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin (pnyt.). 2007. *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Rumnaizuddin Ghazali. Ciri-ciri Islam Liberal. Dlm. *Al-Islam*, September 2005, hlm. 18.
- Muhammad Nur Manuty. 2006. Fenomena Pemikiran Islam Liberal dan Implikasinya Kepada Kedudukan Islam dan Penganutnya di Malaysia: Beberapa Refleksi. <http://www.haluan.org.my/v3/index.php/lima-rukun-pemikiran-islam-liberal.html>. [12 Januari 2011].
- Muhammad Razak Idris. 2006. Aliran 'Islam Liberal' Cabaran Baru Umat Islam. Dlm. Shahrudin, Mohd Rumnaizuddin Ghazali & Khairul Ariffin Mohd Munir (pnyt). *Gerakan Islam Antara Dua Paradoks*, hlm. 118. Selangor : Edisi Cemerlang Sdn. Bhd.
- Muhammad, Uthman El-Muhammady. 2008. Bahaya Islam Liberal. Dlm. Milenia Muslim, Disember 2008.

- Mustaffa Abdullah. 2007. Pengajian Tafsir di IPTA Malaysia: Tinjauan di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm. Mohd Fauzi Hamat, Doni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin (pnyt.). *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, hlm. 111-122. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muslim Gunawan, *Metodologi Ijtihad Versi Jaringan Islam Liberal: Satu Analisis Metodologi Ijtihad Jaringan Islam Liberal Indonesia*, Tesis Sarjana, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Nur Farhana Abdul Rahman. 2010. Konsep Pluralisme Agama Dalam Aliran Liberal Islam, Tesis Sarjana, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
- Riduan Mohd Nor & Ahmad Adnan Fadhil. 2009. *Islam Liberal dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Shaharom TM Sulaiman, *Wacana Islam Liberal Di Timur Tengah*, (Dlm). *Massa*, 3 – 9 Ogos 2002, hlm. 64.
- Ugi Suharto. 2008. *Isu-isu Sentral Dalam Pemikiran Islam Liberal*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Utusan Malaysia 06/10/2009.
- Universiti Kebangsaan Malaysia. 2003. *Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam sesi Akademik 2003/2004*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamihan Mat Zin. 2008. Ancaman Islam dan Pluralisme, Dlm. Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), *Seminar Isu-isu Semasa Akidah Kepada Kakitangan Kerajaan Dan Badan-badan Berkanun 2008*. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

